

Enam telco setuju laksana 5G di Malaysia

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Jun 30, 2022 @ 3:22pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Enam telco akan mengambil kepentingan ekuiti dalam DNB bagi melaksanakan 5G - Foto Reuters

PUTRAJAYA: Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa mengesahkan enam syarikat telekomunikasi (telco) akan mengambil kepentingan ekuiti dalam Digital Nasional Bhd (DNB) bagi pelaksanaan rangkaian 5G di negara ini.

Beliau berkata, pengumuman rasmi mengenai pemilikan kepentingan itu akan dibuat minggu depan.

"Rundingan berjalan dengan baik dan mencapai kesepakatan. Semua akan selesai minggu depan, 8 Julai," katanya ketika ditemui pada majlis perjanjian kerjasama program Country Digital Acceleration (CDA) antara Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Cisco International Limited (Cisco) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai perkembangan terkini mengenai keputusan pemilikan kepentingan syarikat telekomunikasi dalam DNB.

Pada Mac lalu, kerajaan membuka 70 peratus peluang kepada semua penyedia perkhidmatan komunikasi untuk memiliki kepentingan ekuiti di dalam DNB.

Laporan media yang memetik sumber industri sebelum ini mendedahkan bahawa kertas terma tidak mengikat telah dipersetujui oleh enam telco berkenaan sebelum tarikh akhir, bersama-sama dengan perjanjian pemegang saham untuk mengambil pegangan dalam DNB, yang dijangka ditandatangani awal bulan depan.

Berdasarkan suntikan yang dirancang sebanyak RM500 juta oleh Kementerian Kewangan untuk 30 peratus kepentingan kerajaan, ia membayangkan setiap telco itu akan mengeluarkan kira-kira RM200 juta untuk kira-kira 12 peratus kepentingan.

Sementara itu, kerjasama TM dan Cisco hari ini menyaksikan penyedia perkhidmatan telekomunikasi bersepada tempatan itu menjadi syarikat pertama membawakan program CDA ke Malaysia, yang berjaya dilaksanakan di 44 negara seluruh dunia sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif TM, Imri Mokhtar, berkata kedua-dua pihak juga telah bekerjasama sejak 17 tahun yang lalu menerusi penyediaan pelbagai peralatan seperti 'router' dan penyelesaian teknologi yang membantu TM meningkatkan kualiti pengalaman pelanggan dan kehidupan rakyat Malaysia.

"Kerjasama hari ini adalah satu peningkatan ke tahap yang seterusnya, merangkumi skop yang lebih luas dan memberi impak tinggi kepada rakyat, usahawan dan juga kepada komuniti perniagaan."

"Kerjasama ini merangkumi transformasi tiga sektor iaitu pendidikan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan sektor perusahaan," katanya.

Imri berkata, bagi sektor pendidikan, tumpuan diberikan kepada sekolah, platform pembelajaran digital dan usaha memperkasakan pelajar yang menimba ilmu melalui platform digital itu.

Katanya, transformasi digital PKS pula menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan usahawan sektor itu dan secara langsung membantu mereka menjadi lebih cekap dan berdaya saing.

"Program ini akan mendigitalkan lebih 400,000 pelanggan PKS sedia ada dalam bidang penyediaan makanan (F&B), perkhidmatan dan perniagaan runcit.

"Saya yakin, usaha transformasi digital ini akan membawa perubahan yang amat bermakna kepada mereka," katanya.

Program CDA di Malaysia telah diumumkan sebagai rangka kerja kerjasama antara Cisco dan MyDigital Corporation pada Mei 2022.

Ia sejajar dengan MyDIGITAL, iaitu Pelan Tindakan Ekonomi Digital kerajaan yang bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital Malaysia, dengan tumpuan untuk memacu transformasi digital dalam sektor awam, membina infrastruktur digital dan memupuk bakat digital berdaya saing.